# Keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Keuntungan Berkompaun bagi Pembiayaan Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) Secara Islam

## Mesyuarat MPS ke-214 bertarikh 30 Jun 2021

## Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009 berkaitan fungsi MPS, MPS telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam (IKI) tidak dibenarkan untuk memasuk dan mengambil kira keuntungan terakru bagi pembiayaan asal, sebagai amaun prinsipal yang baharu bagi pembiayaan R&R[1]. Ini kerana amalan tersebut akan menyebabkan keuntungan berganda ke atas hutang (keuntungan berkompaun). Oleh itu, sebarang pelaksanaan pembiayaan R&R hendaklah memastikan bahawa:

i. amaun prinsipal baharu bagi pembiayaan R&R adalah bersamaan dengan baki prinsipal pembiayaan asal sekiranya tiada pembiayaan tambahan;
ii. jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika terpakai) bagi pembiayaan asal boleh ditambah menjadi obligasi keseluruhan pembayaran hutang tetapi jumlah ini tidak boleh diambil kira dalam pengiraan keuntungan yang baharu (*cannot be capitalised*); dan
iii. larangan keuntungan berkompaun terpakai kepada pembiayaan R&R bagi semua pelanggan (termasuk *musir* dan *mu'sir*).[2]

1.1. Keputusan ini berkuat kuasa berdasarkan garis panduan yang akan dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan terpakai ke atas IKI berikut:
   (a) orang berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
   (b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
   (c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

1.2. Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D(1) dan (2) DFIA, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini dan pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Shariah.

---

[1] Keputusan baharu ini adalah kesinambungan daripada keputusan MPS pada Mesyuarat Khas ke-30 bertarikh 14 Julai 2020 (semakan semula pada 16 Oktober 2020) yang melarang amalan keuntungan berkompaun bagi R&R dalam tempoh pandemik COVID-19.

[2] Bagi pelanggan *musir*, IKI dibenar mengenakan kadar keuntungan baharu bagi penstrukturan semula pembiayaan berdasarkan kaedah pengiraan yang telah digariskan di dalam polisi dokumen BNM dan resolusi MPS yang berkaitan. Namun bagi pelanggan *mu'sir*, tidak dibenar mengenakan sebarang keuntungan tambahan ke atas pembiayaan sedia ada. Rujuk keputusan MPS pada mesyuarat ke-160 bertarikh 30 Jun 2015, Kompilasi Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam, Edisi Ketiga, 2017.

## Bahagian II: Latar Belakang

2.1. Kedudukan kewangan dan aliran tunai individu dan perniagaan dijangka beransur pulih sejajar dengan pemulihan ekonomi negara. Dalam usaha meringankan beban kewangan pelanggan yang terkesan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membantu mereka menghadapi situasi semasa.

2.2. Antara inisiatif tersebut ialah dengan menjadual dan menstruktur semula pembiayaan sedia ada bagi menyusun semula aliran tunai pelanggan. Dengan pendekatan tersebut, perniagaan dan individu dapat mengurus kewangan mereka dengan lebih baik sesuai dengan keadaan kewangan semasa.

2.3. Melihat kepada cabaran yang dialami oleh pelanggan IKI yang dalam keadaan sukar, MPS dalam Mesyuarat Khas MPS ke-30 bertarikh 14 Julai 2020 (semakan semula pada 16 Oktober 2020), telah menggariskan tuntutan Shariah terhadap kemudahan R&R bertujuan memberikan panduan Shariah yang jelas kepada IKI dan pelanggan.

2.4. Lanjutan daripada keputusan Shariah tersebut, MPS melihat keperluan perbincangan terperinci berhubung pemakaian larangan keuntungan berkompaun diperluaskan dalam situasi biasa (iaitu setelah tempoh pandemik COVID-19 berakhir) bagi semua pelanggan IKI.

### Isu Shariah

2.5. Adakah Shariah membenarkan IKI mengenakan keuntungan berkompaun bagi pembiayaan R&R?

## Bahagian III: Perbincangan Utama

***Larangan keuntungan berkompaun mengurangkan dharar (kemudaratan) kepada pelanggan***

3.1. Pembiayaan R&R membolehkan pembayaran semula bulanan pelanggan disusun semula mengikut kemampuan kewangan semasa mereka. Bagi kemudahan ini, IKI dan pelanggan akan memeterai perjanjian baharu atau bersetuju dengan terma dan syarat yang dikemaskini berdasarkan kemampuan kewangan pelanggan. Perubahan biasanya melibatkan pertambahan tempoh pembiayaan dan/atau pengenaan kadar keuntungan yang baharu. Kesan R&R lazimnya menyebabkan kos pembiayaan meningkat. Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh pelanggan dengan tidak mengenakan keuntungan berkompaun dalam pembiayaan R&R.

3.2. MPS dalam mesyuarat khas ke-30 bertarikh 14 Julai 2020 telah memutuskan bahawa IKI tidak dibenarkan untuk memasukkan dan mengambil kira keuntungan terakru bagi pembiayaan asal sebagai amaun prinsipal yang baharu bagi R&R. Amalan sedemikian bertujuan untuk mengelakkan berlakunya keuntungan berganda ke atas hutang (keuntungan berkompaun) yang boleh memburukkan lagi kedudukan kewangan pelanggan.

***Kaedah pengiraan keuntungan berkompaun***

3.3. Permodalan keuntungan terakru ke dalam pembiayaan R&R berlaku apabila keuntungan terakru daripada pembiayaan terdahulu dimasukkan sebagai jumlah amaun prinsipal baharu. Pengiraan jumlah keuntungan akan berdasarkan amaun prinsipal baharu tersebut bagi menentukan jumlah keseluruhan pembiayaan. Hasilnya, amaun keuntungan akan berganda seterusnya memberi kesan keuntungan berkompaun. Berikut adalah ilustrasi keuntungan berkompaun di dalam pembiayaan R&R:

*Ilustrasi 1: R&R bagi pembiayaan perumahan*




3.4. Pengiraan kadar keuntungan baharu bagi pembiayaan R&R adalah berdasarkan kepada risiko dan kos pendanaan semasa, manakala pengiraan keuntungan terakru telahpun mengambil kira risiko dan kos bagi pembiayaan terdahulu. Oleh yang demikian, sebarang gandaan keuntungan terakru dengan cara memasukkannya ke dalam jumlah prinsipal baharu, akan menyebabkan IKI memperoleh keuntungan tambahan tanpa menanggung sebarang risiko mahupun kos bagi menjustifikasikan nilai gandaan tersebut.

3.5. Ilustrasi 2: Contoh ringkas kaedah pengiraan jumlah obligasi kewangan bagi pembiayaan R&R[3] dengan dan tanpa keuntungan berkompaun:

[3] Wujud perbezaan bagi pengiraan pembiayaan penjadualan semula. Kadar keuntungan efektif baharu akan dikira berdasarkan risiko baharu (iaitu tanpa keuntungan berkompaun) dan tidak akan melebihi jumlah harga jualan. Sebarang perbezaan antara kadar keuntungan siling dan kadar keuntungan efektif akan diberi rebat kepada pelanggan.

| | **Amaun pembiayaan sedia ada (sebelum R&R)** | **Amaun pembiayaan R&R** | |
|---|---|---|---|
| | | **<u>Tanpa</u> keuntungan berkompaun** | **<u>Dengan</u> keuntungan berkompaun** |
| Baki prinsipal | RM50,113 | RM50,113 | RM50,489** |
| Keuntungan belum terakru/tertangguh | RM6,783* | RM6,783 | RM6,895 |
| Keuntungan terakru | RM376 | RM376 | RM0 |
| **Jumlah obligasi kewangan** | **RM57,272** | **RM57,272** | **RM57,384** |

* *Keuntungan belum terakru dalam pembiayaan terdahulu akan diberi sebagai rebat (ibra') kepada pelanggan*

** *Amaun baki prinsipal baharu bertambah disebabkan oleh amalan permodalan keuntungan terakru*

*[Contoh di atas adalah ilustrasi semata-mata dan bertujuan memberi pemahaman berhubung pengiraan keuntungan berkompaun dan impaknya kepada pembiayaan R&R tanpa mengambil kira faktor-faktor lain seperti pelanjutan tempoh dan perubahan kadar keuntungan. Oleh itu, ia mungkin berbeza dengan pengiraan sebenar di peringkat IKI]*

***Penilaian impak kepada IKI dan pelanggan***

3.6. Berdasarkan dapatan simulasi keuntungan IKI, impak larangan keuntungan berkompaun adalah kecil. IKI akan mengalami sedikit pengurangan keuntungan dengan lanjutan larangan keuntungan berkompaun selepas tempoh pandemik COVID-19 berakhir. Ini kerana lazimnya, pembiayaan R&R akan memberi kesan pemanjangan tempoh ansuran yang menyebabkan pelanggan perlu membayar keuntungan yang lebih banyak, manakala, larangan keuntungan berkompaun ini akan mengurangkan sebahagian keuntungan tambahan daripada pembiayaan R&R tersebut.

***Penerusan dan penambahbaikan keputusan MPS terdahulu***

3.7. Sebelum ini terdapat IKI yang sememangnya tidak mengenakan keuntungan berkompaun bagi pembiayaan R&R. Pelaksanaan amalan tersebut adalah berdasarkan keputusan jawatankuasa Shariah IKI berkenaan berikutan tiada keputusan MPS secara khusus mengenainya.

3.8. Namun, melihat kepada situasi ekonomi yang mencabar yang menyebabkan kesulitan yang ketara kepada pelanggan sewaktu tempoh pandemik COVID-19, MPS telah memutuskan untuk melarang IKI mengenakan keuntungan berkompaun bagi pembiayaan R&R. Ini bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh pelanggan sewaktu tempoh pandemik COVID-19.

3.9. Sungguhpun pada awalnya, keputusan MPS berkenaan dengan larangan keuntungan berkompaun adalah berdasarkan kepada situasi pandemik COVID-19, namun, setelah mengambil kira aspek *maslahah* yang lebih luas merangkumi aspek *dharar* kepada pelanggan IKI, maka wujud kewajaran agar keputusan tersebut dikekalkan dan pemakaiannya diperluaskan kepada semua pelanggan IKI dalam situasi biasa.

## Bahagian IV: Asas Pertimbangan

***Penerapan konsep Siyasah Syar'iyyah dalam menjaga kemaslahatan pihak berkontrak***

4.1. Perkhidmatan kewangan Islam didasari prinsip-prinsip asas Shariah utama yang bertunjangkan *maqasid `ammah* (objektif umum) iaitu pencegahan kemudaratan dan perolehan manfaat[4], di samping meletakkan konsep keadilan dan ihsan sebagai asas utama dalam semua aspek kewangan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kaedah fiqah berikut:

الأصل في العقود كلها إنما هو العدل[5]

*"Hukum asal dalam semua akad adalah keadilan"*

4.2. Larangan keuntungan berkompaun mengambil kira pertimbangan *siyasah syar`iyyah* yang mana pihak pengawal selia berhak menetapkan polisi tertentu yang difikirkan sesuai bagi menjaga kemaslahatan pihak-pihak berkontrak. Ini juga selari dengan kaedah fiqah berikut:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة [6]

*"Urusan pemimpin ke atas rakyat berpaksikan maslahah."*

4.3. Pertimbangan *siyasah syar`iyyah* mengambil kira faktor-faktor berikut:

i) *Mafsadah* (kemudaratan) kepada pelanggan dan IKI disebabkan oleh keuntungan berkompaun

- Permodalan keuntungan terakru ke dalam amaun prinsipal baharu menghasilkan pertambahan hutang dan bebanan kewangan kepada pelanggan. Tidak dinafikan bahawa IKI turut menanggung kesan daripada pembiayaan R&R pelanggan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pertimbangan di antara dua kemudaratan, pelanggan secara relatifnya mengalami kesan kemudaratan yang lebih berbanding IKI. Ini kerana pelanggan menghadapi masalah kewangan dan memerlukan bantuan tambahan untuk memenuhi obligasi kewangannya. Oleh itu, pengenaan keuntungan berkompaun akan memberi kesan bebanan yang bertambah kepada pelanggan yang berada dalam kesulitan. Ini bertepatan dengan kaedah fiqah berikut:

  درء المفاسد مقدم على جلب المصالح[7]

  *"Mencegah kemudaratan hendaklah diutamakan berbanding menerima atau mengambil maslahah"*

- Di samping itu, sebarang perkara yang membawa kemudaratan kepada salah satu pihak yang berkontrak adalah tidak dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah fiqah berikut:

---

4 MPS telah menggariskan prinsip-prinsip asas Shariah utama yang perlu diterapkan dalam perkhidmatan kewangan Islam. Rujuk Laporan Tahunan BNM 2019, h. 37.

5 Ibn Qayyim, *I'lam Muwaqi'in 'an Rabb al-Alamin*, Dar Ibn al-Jawzi lil Nasyr wa al-Tawzi', j.3, h. 170.

6 Al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1403H, h. 121.

7 Ahmad Al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, 1989, h. 165.

الأصل في المنافع الإباحة وفي المضار التحريم[8]

*"Hukum asal sesuatu yang memberi manfaat adalah dibenarkan dan pada sesuatu yang memudaratkan adalah diharamkan"*

ii) Larangan keuntungan berkompaun boleh membawa *maslahah* kepada pihak berkontrak

- *Maslahah* ialah tujuan utama dalam setiap pensyariatan[9]. Dalam konteks larangan keuntungan berkompaun, keputusan tersebut bertepatan dengan pendekatan Syarak dalam memberi kemaslahatan dengan meringankan atau menghilangkan kesulitan pelanggan yang terkesan. Ia juga akan melahirkan persepsi dan keyakinan pelanggan kepada IKI disebabkan keprihatinan IKI terhadap kesulitan yang dihadapi pelanggan. Sebagai imbalannya, pendeposit dan pihak berkepentingan akan memperoleh manfaat pada masa hadapan disebabkan kecenderungan pelanggan memilih pembiayaan secara Islam. Ini selari dengan kaedah fiqah berikut:

المصلحة العامة مقدمة على المصلحة الخاصة[10]

*"Mengutamakan maslahah yang umum diutamakan ke atas maslahah yang khusus"*

iii) Keadilan dan ihsan kepada pelanggan

- Syarak menekankan keperluan untuk berlaku adil dan *ihsan* dalam semua perkara termasuklah aktiviti muamalah. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ

*"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan"*
(Surah al-Nahl, ayat 90)

- Aplikasi prinsip *ihsan* adalah bersesuaian dalam memberi bantuan dan kelonggaran kepada mereka yang mengalami kesulitan dengan meringankan beban kewangan yang ditanggung. Rasulullah SAW turut menyarankan untuk berlaku *ihsan* dalam semua perkara, sebagaimana hadith berikut:

عن أبي يعلى شداد بن أوس رضي الله عنه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : إن الله كتب الإحسان على كل شيء[11]

*Daripada Abu Ya'la Syaddad bin Aus RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah menetapkan ihsan pada tiap sesuatu".*

- Selain itu, penentuan keuntungan juga hendaklah mengambil kira risiko yang ditanggung dan kaedah pengiraannya mestilah bersifat adil kepada kedua-dua pihak berkontrak. Bagi mencapai tujuan ini, kaedah pengiraannya boleh merujuk kepada kriteria yang digariskan di dalam dokumen polisi *Responsible Financing*[12], *Risk-*

8 Muhammad Sidqi al-Burnu, *Mawsu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Beirut: Mawsu'ah al-Risalah, 2003, j. 12. h.11.
9 Al-Shatibi, *al-Muwafaqat,* Dar Ibn Affan, 1997, j. 2 h.9.
10 Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, Dar Ibn `Affan, 1997, j. 3, h. 89.
11 Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut. j.3, h. 1548, no. hadith 1955.
12 Tarikh diterbitkan: 6 Mei 2019

*informed Pricing*[13] atau polisi lain yang berkaitan yang diterbitkan oleh BNM. Shariah mengiktiraf indikator risiko sebagai salah satu elemen dalam penentuan keuntungan sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

الخراج بالضمان[14]

*"Sesuatu yang terhasil mestilah menerusi tanggungan (risiko)"*

- Dalam pengiraan obligasi kewangan di bawah pembiayaan R&R, permodalan keuntungan terakru ke dalam amaun prinsipal baharu menghasilkan pertambahan hutang kepada pelanggan. Pertambahan tersebut menggambarkan wujudnya elemen ketidakadilan disebabkan terdapat pengiraan risiko yang tidak jelas imbalannya ke atas keuntungan terakru. Bahkan pengiraannya adalah jelas berdasarkan kepada risiko pembiayaan terdahulu.

4.4. Prinsip *maqasid Shariah* adalah untuk mencapai pemeliharaan harta berpaksikan keadilan pihak berkontrak. Dalam konteks keuntungan berkompaun, wujud ketidakadilan kepada pelanggan apabila tujuan utama pengenaannya adalah untuk IKI memperoleh ganti rugi disebabkan kegagalan pelanggan melunaskan pembiayaan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, tujuan tersebut tidak selari dengan prinsip *maqasid Shariah.* Berdasarkan tujuan tersebut, sebarang *wasilah* (pendekatan) atau amalan yang memberi kesan keuntungan berkompaun adalah tidak dibenarkan. Ini selari dengan kaedah fiqah berikut:

الأمور بمقاصدها[15]

*"Setiap perkara dinilai berdasarkan tujuannya"*

## Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

5.1. Keputusan MPS bertujuan memastikan kejelasan larangan pengenaan keuntungan berkompaun adalah selaras dengan kehendak Shariah dan ia terpakai kepada semua pelanggan yang memeterai pembiayaan R&R.

5.2. Keputusan berhubung keuntungan berkompaun adalah tidak bersifat retrospektif (mempunyai kesan kebelakangan) dengan mengambil kira amalan R&R terdahulu yang mungkin melibatkan keuntungan berkompaun.

---

13 Tarikh diterbitkan: 16 Disember 2013

14 Ibn Majah, *Sunnan Ibn Majah,* Dar Ihya al-Kutb Al-Arabiyyah, no. hadith 2234, j. 2, h.754; al-Tarmizi, *Sunnan al-Tarmizi*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, no. hadith 1286, j.2, h.573.

15 Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 47.